

Tingkat martabat taraf hidup rakyat

PM mahu semua kembali kepada politik membina pupuk semangat hadapi cabaran ekonomi global

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Belanjawan 2024 atau Belanjawan MADANI Kedua menjadi kesinambungan dasar yang menelusuri Kerangka Ekonomi MADANI meletakkan tekad dan kesungguhan Kerajaan Perpaduan bagi mengangkat martabat, taraf ekonomi rakyat dan negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Belanjawan 2024 dengan tema Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat juga menjadi pernyataan iltizam kerajaan diketuainya bagi memulihkan ekonomi semasa yang semakin mencabar rentetan cabaran dan kesan ekonomi global.

Beliau berkata, kerajaan terbuka mendengar pandangan dan kritikan dari segenap pihak, namun tidak bermakna sewenang-nya bebas membenarkan mana-mana pihak melemparkan fitnah.

“Ditambah dengan cabaran ekonomi global dan geopolitik yang menggusarkan, sikap ini (melemparkan fitnah) sedikit sebanyak menghambat kemajuan bangsa kita.

“Justeru, saya mengajak semua agar kita kembali kepada politik yang membina, memupuk semangat segulai sejalai membangunkan semula negara kita.

“Kita semua cintakan negara ini. Malaysia punyai potensi yang hebat, kekayaan hasil mahsul (pendapatan) dan tenaga pekerja serta profesional dan rakyatnya yang berdaya saing mampu meletakkan kita pada kedudukan strategik sebagai peneraju ekonomi Asia sebagaimana yang dicita-citakan,” tegasnya ketika membentangkan Belanjawan 2024 di Dewan Rakyat, semalam.

Belanjawan 2024 Malaysia MADANI dirangka bagi membimbing ekonomi negara ke tahap yang lebih baik dalam mendepani cabaran global masa kini, selain menyokong agenda pembangunan dan kebajikan negara.

Ini adalah pembentangan belanjawan kedua buat Anwar selepas pembentukan Kabinet Kerajaan Perpaduan pada 2 Disember tahun lalu.



Anwar ketika membentangkan Belanjawan 2024 di Dewan Rakyat, semalam. (Foto ihsan PMO)



Pada 24 Februari lalu, beliau membentangkan Belanjawan 2023 bertemakan 'Membangun Malaysia MADANI' membabitkan peruntukan RM388.1 bilion.

Pentas pembentangan belanjawan tidak asing buat Anwar kerana beliau pernah membentangkan belanjawan ketika menjawat jawatan Menteri Kewangan pada 1997.

Tiga tumpuan utama

Anwar yang juga Menteri Kewangan, menegaskan kebijakan ekonomi terarah kepada pertumbuhan dan pemerataan ekonomi rakyat dan negara.

Katanya, untuk itu, tiga tumpuan utama diberikan penekanan iaitu memastikan tata kelola terbaik demi ketangkasan perkhidmatan di samping melakukan penstrukturan semula ekonomi bagi melonjak pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan darjat hidup rakyat.

“Serentak dengan Kerangka Ekonomi MADANI yang menetapkan matlamat yang jelas untuk meningkatkan darjat hidup rakyat, serta meletakkan kembali Malaysia menjadi jaguh ekonomi serantau, maka sumber kewangan negara harus diurus dengan cekap di samping memastikan khazanah watan menghasilkan kemaslahatan buat seluruh rakyat.

“Perubahan perlu dilaksanakan sungguhpun sukar, termasuk meluaskan asas hasil, melaksanakan subsidi bersasar dan membasmi segala bentuk rasuah dan penyelewengan yang sistemik.

“Kita juga memerlukan sebuah

perkhidmatan awam yang efisien, cerdas dan tangkas dalam menjayakan” agenda pembangunan semula negara,” katanya.

Perdana Menteri berkata, hasil negara yang bertambah daripada penstrukturan semula ekonomi dan fiskal akan dimanfaatkan sebaiknya untuk mengangkat darjat hidup rakyat ke tahap lebih bermakna.

“Penekanan diberikan kepada penyaluran terus bantuan tunai kepada rakyat susah di samping menyediakan pendidikan, kesihatan dan infrastruktur asas untuk semua.

“Bagi 2024, RM58.1 bilion disediakan untuk membiayai pelbagai bentuk pemberian kerajaan kepada rakyat merangkumi subsidi, insentif dan bantuan. Hampir 50 peratus peruntukan ini adalah untuk mengawal harga barang dan perkhidmatan untuk manfaat rakyat.

“Umpamanya, RM225 juta disediakan untuk membiayai kos pengedaran barangan keperluan asas seperti petrol, LPG, tepung, beras dan minyak masak ke kawasan desa serta pedalaman di bawah Program Community Drumming. Program ini akan diperluas ke kawasan baharu antaranya di zon Abai, Sandakan, Sabah dan Engkerebai, Mukah, Sarawak,” katanya.

Anwar berkata, Payung Rahmah yang manifestasi keprihatinan kerajaan dalam membela nasib rakyat dan diperjuang dan dicetuskan Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub, tidak akan terhenti dan akan terus diperkasa dengan peruntukan RM200 juta.

“Pelaksanaan Program Jualan Rahmah yang menawarkan barangan keperluan asas pada harga sehingga 30 peratus lebih rendah akan diperluas ke lebih banyak kawasan DUN di seluruh negara,” katanya.